



Anwar terima kunjungan Michelle Yeoh

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima kunjungan bintang Hollywood kelahiran Malaysia, Tan Sri Michelle Yeoh di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya, semalam. Pertemuan bersama bintang Asia pertama merangkul trofi Pelakon Wanita Terbaik, Anugerah Akademi (Oscar) Ke-95 itu dikongsi Perdana Menteri melalui hantaran di Instagram (IG) Story dan Facebook beliau. Dalam perkongsian itu, Anwar turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada aktres Hollywood kelahiran Ipoh, Perak itu kerana membawa trofi yang dimenangnya menerusi filem Everything Everywhere All At Once pulangke Malaysia.